



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
JHEAIPP.KP.100-1/9/2 (14)

**ARAHAN MENGENAI PENGURUSAN PERKAHWINAN,
PERCERAIAN DAN RUJU', PERKHIDMATAN KHIDMAT NASIHAT
DAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 2.0)
MULAI 13 JANUARI 2021**

**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

1. Tujuan

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan berikutan daripada pengumuman oleh kerajaan berhubung dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 13 Januari 2021.
- 1.2 Arahan ini terpakai sepanjang tempoh (PKP) dikuatkuasakan.

2. Permohonan Berkahwin

- 2.1 Semua kaunter melibatkan permohonan berkaitan urusan Nikah, Cerai Dan Ruju', Khidmat Nasihat dan Kursus Praperkahwinan Islam ditutup sehingga tamat PKP.

2.2 Semua permohonan untuk berkahwin tidak diterima sepanjang tempoh PKP.

2.3 Permohonan yang telah diterima sebelum 13 Januari 2021 tidak diproses sehingga tamat PKP.

3. Akad Nikah

Semua akad nikah ditangguhkan sehingga tamat PKP.

4. Pelanjutan Kebenaran Berkahwin

Kebenaran Berkahwin yang tamat tempoh dalam masa PKP boleh dibuat pelanjutan selepas tamat PKP di pejabat yang mengeluarkan kebenaran tersebut untuk tempoh selama sebulan.

5. Urusan Daftar Perkahwinan

Semua permohonan pendaftaran perkahwinan dalam dan luar negeri ditangguhkan sehingga tamat PKP.

6. Urusan Daftar Perceraian

Semua permohonan pendaftaran perceraian ditangguhkan sehingga tamat PKP.

7. Urusan Daftar Ruju'

7.1 Semua urusan pendaftaran ruju' ditangguhkan sehingga tamat PKP.

7.2 Pasangan yang ingin melafazkan ruju' boleh dipertimbangkan dan hendaklah menghubungi PPPPROI kawasan melalui nombor talian berikut:-

Pejabat Agama Daerah

Barat Daya – 04-8668525

Timur Laut – 04-2612979

Seberang Perai Tengah – 04-5386451

Seberang Perai Utara (Butterworth) – 04-3511521

Seberang Perai Utara (Kepala Batas) – 04-5751182

Seberang Perai Selatan – 04-5821001

8. Khidmat Nasihat

- 8.1 Perkhidmatan khidmat nasihat secara bersemuka ditangguhkan sehingga tamat PKP.
- 8.2 Perkhidmatan khidmat nasihat secara atas talian (rujuk para 7.2) disediakan di setiap daerah mengikut kawasan dan jadual masa mulai 8.00 pagi hingga 4.30 petang.
- 8.3 Perkhidmatan khidmat nasihat melalui e-mel beroperasi seperti biasa di alamat berikut:-
khidmatnasihat@penang.gov.my,
khidmatnasihatdtl@penang.gov.my,
khidmatnasihatdbd@penang.gov.my,
khidmatnasihatbtwh@penang.gov.my,
khidmatnasihatkb@penang.gov.my,
khidmatnasihatspt@penang.gov.my dan
khidmatnasihatsps@penang.gov.my

9. Kursus Praperkahwinan Islam

Semua Kursus Praperkahwinan Islam ditangguhkan sepanjang tempoh PKP.

10. Temuduga Khas

Semua Temuduga Khas ditangguhkan sepanjang tempoh PKP.

11. Pengecualian

Semua arahan ini terpakai kecuali atas sebab-sebab yang kuat. Pihak yang berkenaan boleh mengemukakan permohonan bertulis kepada pihak jabatan untuk dipertimbangkan.

12. Tarikh Kuatkuasa

Arahan ini berkuatkuasa mulai 13 Januari 2021 bersamaan dengan 29 Jamadilawal 1442 sehingga tamat tempoh PKP.

Arahan:

Pengarah,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Dikeluarkan pada 12 Januari 2021
Bersamaan 28 Jamadilawwal 1442